

Program MM2H diaktifkan semula Oktober depan

PUTRAJAYA - Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengaktifkan semula Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) bermula Oktober depan dengan memperkenalkan siling bilangan peserta pada satu-satu masa tidak melebihi satu peratus jumlah warganegara Malaysia.

Ketua Setiausaha KDN, Datuk Wan Ahmad Dahlan Wan Abdul Aziz berkata, penetapan itu kerana kerajaan memahami kekusaran rakyat mengenai kemasukan warga asing melalui program itu yang dikhuatiri akan menambah lambakan warga asing di negara ini.

Katanya, KDN memberi jaminan bahawa hanya peserta yang berkelayakan dan tidak mempunyai rekod kesalahan

jenayah akan dibenarkan untuk menyertai program ini.

“Tatacara permohonan Program MM2H juga akan ditambahbaik dengan mewujudkan satu sistem secara dalam talian bagi tujuan permohonan, pemprosesan dan pangkalan data profil peserta MM2H,” katanya pada sidang media khas di KDN pada Rabu.

Sebelum ini permohonan untuk menyertai Program MM2H dibekukan bagi memberi ruang kepada KDN dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengkaji serta menilai semula secara komprehensif program itu.

Ia ekoran penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac

tahun lalu yang menyaksikan dasar penutupan sempadan negara turut dilaksanakan bagi mengekang penularan pandemik Covid-19.

Wan Ahmad Dahlan berkata, jemaah menteri pada 14 Julai dan 30 Julai lalu telah bersetuju dengan cadangan penambahbaikan dasar baharu Program MM2H sebagai salah satu strategi untuk membantu pelaksanaan Program Pemulihan Negara (PPN) bagi menjana semula ekonomi negara.

Katanya, permohonan baharu bagi program berkenaan akan diproses serta dikendalikan Jabatan Imigresen Malaysia mulai Oktober ini setelah semua proses berkaitan perundangan selesai.